

26 JAN 2003

Syed Hamid-Keputusan

KEPUTUSAN PBB DIHARAP TIDAK MENGECEWAKAN, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Malaysia berharap sebarang keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Iraq yang berdasarkan laporan pasukan pemeriksa senjatanya di negara itu tidak akan mengecewakan negara-negara membangun yang cintakan keamanan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata PBB harus diberikan mandat dalam membuat apa jua keputusan dan sekiranya didapati bahawa Iraq memiliki senjata tersebut, satu keputusan yang adil perlu dibuat dan perang mesti dielakkan daripada berlaku.

Katanya sebarang rumusan atau tindakan awal yang diambil tanpa melihat kepada sebarang keputusan terlebih dahulu, akan merendahkan integriti dan kredibiliti PBB sebagai satu pertubuhan yang mempunyai kuasa dalam membuat tindakan.

"Malaysia punya pegangan, kita tidak akan sokong peperangan kerana kita anggap peperangan akan membawa kepada banyak masalah dan ini tidak akan membawa keamanan kepada dunia," katanya kepada pemberita selepas majlis Pelancaran Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia, di Pasar Budaya di sini hari ini.

Pasukan pemeriksa senjata dijangka akan mengemukakan laporan kepada Majlis Keselamatan PBB esok berhubung pemeriksaan ke atas Iraq yang didakwa oleh Amerika Syarikat (AS) mempunyai senjata pemusnah dan ia dikatakan sebagai fasa terakhir rujukan AS ke atas pertubuhan itu sebelum melancarkan tindakan ketenteraan keatas Iraq jika dirasakan perlu.

Syed Hamid berkata sekarang bukan masanya untuk mengisytiharkan peperangan kerana peperangan tidak membawa sebarang keuntungan sebaliknya menimbulkan banyak masalah dan kerugian.

Beliau juga menegaskan bahawa sokongan yang padu harus diberikan kepada tindakan yang dibuat dengan berani dan tegas oleh Perancis dan Jerman dalam menyuarakan keamanan.

"Kita perlu beri sokongan kepada tindakan mereka (Jerman dan Perancis), mereka bukan nak tunjukkan kewibawaan mereka lebih baik daripada mereka yang mahukan peperangan, tetapi mereka bercakap tentang keadilan sejagat dan pentingnya dielakkan peperangan," katanya.

Mengenai kempen sejuta tandatangan itu yang dilakukan atas usaha badan bukan kerajaan, beliau berkata usaha seperti itu perlu diteruskan dan matlamat untuk memperolehi sejuta tandatangan akan dapat dicapai sebelum sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Syed Hamid juga berkata kesemua tandatangan itu nanti akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk disuarakan pada persidangan antarabangsa itu.

"Orang lain tidak boleh perlekeh suara Dr Mahathir di arena antarabangsa...ini bukan pendapat beliau sendiri (Dr Mahathir), ini pendapat dan suara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan kaum yang inginkan keamanan," tegasnya.

-- BERNAMA

LIB AZH HM